

TIGA TEGURAN: KERAJAAN MULAI LANGKAH PENGATASANNYA

KERAJAAN memandang berat teguran-teguran Ketua Audit Negara dalam laporannya ke atas Kira-Kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1978 dan 1979.

Menurut memorandum Jabatan Perdana Menteri yang dikemukakan di Dewan Rakyat mengenai laporan itu, Kerajaan menyedari terdapat beberapa kelemahan di Kementerian dan Jabatan dalam bidang pengawasan dan pengurusan kewangan seperti dibayangkan oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin Haji Zakaria dalam laporannya.

"Menyedari hakikat ini, Kerajaan akan sentiasa mengawasi dan mengingatkan Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang terlibat supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi memperbaiki dan memperkemaskan pengawasan dan pengurusan kewangan mengikut syor-syor Ketua Audit Negara," kata memorandum itu.

Selain dari itu, tambahna, pelaksanaan sistem audit pengurusan akan diperluas demi untuk mengemaskan lagi sistem kewangan yang ada sekarang.

Memutunya lagi, kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan itu sedang dan telah pun diperbetulkan.

Memorandum Jabatan Perdana Menteri itu juga menggariskan tiga teguran utama yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara bagi laporan 1978 dan 1979 dan langkah-langkah serta tindakan yang diambil bagi mengatasinya.

Laporan

Perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan Kira-Kira Kerajaan Persekutuan 1978 ialah:

(i) Ketua Audit Negara melaporan Akau-Akau Amanah dalam bentuk 'pusing' seperti Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan, Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Diri (Pegawai-Pegawai Awam) dan sebagainya yang diwujudkan dari masa ke semasa, tidak dikendalikan dan diruskan dengan baik.

Kumpulan wang tersebut telah dikurangkan dengan berlebihan. Perbezaan, kehilangan, ketinggalan dan sebagainya, berlaku

dalam pengendalian Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

Terdapat juga kes-kes di mana pendahuluan-pendahuluan dari Kumpulan-Kumpulan Wang ini tidak dibayar balik dalam tempoh yang ditetapkan dan ada juga yang bertunggak. Pada keseluruhannya, kelemahan berlaku dalam mengawal sebahagian daripada kumpulan wang berkenaan.

Beberapa kelemahan telah diatasi. Peruntukan tambahan telah disediakan bagi menampung kumpulan wang yang terlebih dikeluarkan.

(ii) Pelaburan dan Pinjaman — Pemeliharaan dan teguran dibuat oleh Ketua Audit Negara mengenai kedudukan pelaburan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan dalam beberapa buah syarikat, badan-badan berkanun dan lain-lain badan awam.

Tunggakan

Laporan telah dibuat bahawa pinjaman-pinjaman yang belum diselesaikan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat perusahaan Kerajaan dan lain-lain badan awam, beraki sebanyak \$7,517,668,141 pada 31 Disember 1978.

Dalam pada itu, tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 1978 berjumlah \$147 juta.

TINDAKAN: Perbendaharaan sedang berusaha memperkemaskan sistem penyusulan atas bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.

(iii) Kawalan Perbelanjaan — Ketua Audit Negara melaporan masih terdapat beberapa kelemahan terhadap kawalan perbelanjaan oleh Kementerian, Kementerian dan Jabatan Kerajaan.

Kelemahan ini terdapat pada kawalan kewangan yang asas seperti penyalangan buku-buku yang tidak kemaskini dan kelewatan penyusulan rekod-rekod agensi dengan buku Perbendaharaan yang mengandungi beberapa jabatan berbelanja melebihi peruntukan yang dibenarkan.

Pada masa penutupan Kira-

Kira 1978, tidak kurang dari 173 kes di bawah 55 Maksud, di mana perbelanjaan dalam Anggaran Bekalan, melebihi jumlah peruntukan yang berjumlah \$178,105,510. Perbelanjaan terlebih juga berlaku dalam 15 Kementerian/Jabatan atas 51 butiran dalam Anggaran Pembangunan berjumlah \$178,302,207.

TINDAKAN: Perbendaharaan mengambil tindakan untuk menyelaraskan perbelanjaan terlebih seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara melalui pindah peruntukan di antara butiran-butiran yang berkenaan, dan juga melalui peruntukan tambahan dalam kedua-dua Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan.

Teguran dan tindakan yang diambil bagi Kira-Kira Kerajaan Persekutuan 1979 ialah:

(i) Penerimaan hasil telah melebihi perbelanjaan mengurus bagi tahun 1979 sebanyak \$2,800.36 juta. Bagaimanapun, jika perbelanjaan pembangunan sebanyak \$4,048.07 juta dan lain-lain perbelanjaan bersih di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan bagi Jabatan Perdagangan diambil kira, jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi tahun 1979 ialah \$12,180.02 juta, menjadikan kekurangan keseluruhan sebanyak \$1,039.94 juta.

TINDAKAN: Kekurangan keseluruhan ini dibayar dari wang-wang pinjaman. Pada tahun 1975, pinjaman Kerajaan berjumlah \$6,917.16 juta, diperolehi untuk membiayai projek-projek pembangunan.

Dalam pada itu, segala ikhtiar dan tindakan sentiasa diusahakan oleh Kementerian Kewangan bagi mengurangkan kekurangan dalam Kumpulan Wang Pembangunan melalui caruman daripada hasil.

(ii) Kawalan Perbelanjaan — Anggaran Bekalan.

Pada tahun 1979, Anggaran Bekalan yang diuluskan sebanyak \$8,709,015,440 telah ditambah dua kali berjumlah \$1,818,284,732. Perbelanjaan sebenar adalah \$10,040,240,091 atau 88.37 peratus dari anggaran yang disemak sebanyak \$10,527,300,172.

TINDAKAN:

Semakan yang dijalankan mendapati, setengah-setengah kes wang tambahan tidak diperlukan kerana perbelanjaan yang dilakukan adalah kurang dari jumlah yang diperitukan dalam anggaran asal.

Setengah-setengah agensi yang memohon pendahuluan dari Kumpulan Wang Luar Jangka, didapati tidak dapat membelanjakan pendahuluan-pendahuluan tersebut.

Oleh kerana pendahuluan demikian dimaksudkan untuk menemui perbelanjaan yang mendesak dan tidak dapat dijangkakan, keadaan tersebut menunjukkan bahawa Kementerian/Jabatan Kerajaan tidak merancang belanjawan masing-masing dengan cermat. Malahan, sistem kawalan peruntukan adalah tidak memuaskan.

Mendesak

(iii) Kawalan Perbelanjaan — Kumpulan Wang Pembangunan. Perbelanjaan dari Kumpulan Wang Pembangunan 1979 yang diluluskan melalui anggaran asal sebanyak \$4,861,133,382 telah ditambah dengan empat anggaran tambahan berjumlah \$3,362,092,727.

Perbelanjaan sebenar bagaimanapun adalah \$4,283,56 juta atau 88 peratus dari anggaran asal dan 52 peratus dari anggaran yang dikaji semula.

Sejumlah besar dari Anggaran Tambahan, timbul berkaitan Kajian Sepuruh Pengal Rancangan Malaysia Ketiga.

TINDAKAN:

Berdasarkan beberapa kajian audit ke atas penyata-penyata perbelanjaan beberapa Kementerian dan Jabatan yang meminta tambahan kepada anggaran mereka, adalah jelas tambahan wang yang diminta tidak diperlukan kerana jumlah asal yang diutunkan dalam Anggaran 1979, sebenarnya adalah mencukupi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia